

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN BIN HUSSIN
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN KURSUS JANGKA PENDEK PENCIRIAN
MIKROSTRUKTUR BAHAN (MICROCHARM 2005) PADA 26 FEBRUARI 2005
BERTEMPAT DI KAMPUS KUKUM, KUBANG GAJAH, ARAU, PERLIS.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH HI TAALA WABARAKATUH DAN
SALAM PERPADUAN

YANG BERUSAHA SAUDARA Pengerusi Majlis,

YANG BERBAHAGIA Prof. Madya Dr. Shamsul Baharin Bin
Jamaludin, Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan,

YANG BERUSAHA En. Khairul Nizar Bin Ismail, Timbalan Dekan
Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan,

YANG BERUSAHA Encik Mazlee Bin Mohd Noor, Pengerusi Kursus
Jangka Pendek Pencirian Mikrostruktur Bahan (Microcharm
2005),

Ahli Jawatankuasa Pelaksana Microcharm 2005

Dan Para Peserta Microcharm 2005 Yang Dihormati Sekalian.

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan
kurnia serta dengan izinNya, majlis kita pada pagi ini dapat
dilangsung dan dizahirkan dengan jayanya. Pertama, izinkan
saya mengucapkan selamat datang kepada semua peserta

MICROCHARM 2005 KE KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA ATAUPUN SINGKATANNYA KUKUM.

DI KESEMPATAN INI, SAYA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA AHLI JAWATANKUASA PELAKSANA MICROCHARM 2005 KHASNYA KEPADA SEMUA KAKITANGAN DI PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN BAHAN (PPK BAHAN) KERANA TELAH BERJAYA MENGANJURKAN KURSUS JANGKA PENDEK PENCIRIAN MIKROSTRUKTUR BAHAN INI, WALAUPUN SENTIASA DIHAMBAT TUNTUTAN SERTA KOMITMEN KERJA YANG ADAKALANYA BEGITU MENDESAK DAN MENCABAR. ADALAH MENJADI HARAPAN SAYA AGAR KURSUS INI MENJADI PERINTIS KEPADA KURSUS-KURSUS LAIN PADA MASA AKAN DATANG. INSYALLAH.

IZINKAN SAYA MENERANGKAN SERBA SEDIKIT TENTANG KUKUM KEPADA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN. UNTUK PENGETAHUAN HADIRIN, KUKUM IALAH IPTA TERBONGSU DI MALAYSIA HINGGA SETAKAT INI. PENUBUHAN KUKUM SECARA RASMI PADA 25 JULAI 2001 BERTUJUAN UNTUK MELAHIRKAN JURUTERA MAHIR DALAM BIDANG-BIDANG KEJURUTERAAN STRATEGIK, MENERUSI KAEDAH PEMBELAJARAN SECARA 'LAB INTENSIVE' SELARAS DENGAN PELAN INDUK PERINDUSTRIAN NEGARA.

KUKUM TELAH MEMBERI ALTERNATIF KEPADA PARA PELAJAR YANG CENDERUNG KEPADA PEMBELAJARAN SECARA PRAKTIS. PEMBELAJARAN DILAKSANAKAN SECARA 'HANDS ON' IAITU BERASASKAN 60 % PENGAJARAN DALAM BENTUK PRAKTIKAL DAN 40 % DALAM BENTUK PENGAJARAN TEORI.

KUKUM YANG KINI BEROPERASI DI BEBERAPA BUAH LOKASI DI NEGERI PERLIS INDERA KAYANGAN DIKENALI SEBAGAI 'DISTRIBUTED CAMPUS' DENGAN MENAWARKAN 10 PROGRAM AKADEMIK BERASASKAN KEJURUTERAAN. ANTARA KURSUS YANG DITAWARKAN IALAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN KOMPUTER, PERHUBUNGAN, MIKROELEKTRONIK, ELEKTRONIK, SISTEM ELEKTRIK, ELEKTRONIK INDUSTRI, MEKATRONIK, PEMBUATAN, BAHAN DAN METALURGI.

JUMLAH PELAJAR KUKUM SEHINGGA KINI IALAH SERAMAI LEBIH KURANG 1321 ORANG. BILANGAN KAKITANGAN KUKUM PULA SEHINGGA JANUARI 2005 IALAH SERAMAI 580 ORANG IAITU MERANGKUMI 188 ORANG KAKITANGAN AKADEMIK.

MEMANDANGKAN KAMPUS TETAP KUKUM DI PAUH SELUAS 1050 EKAR DAN DI SUNGAI CHUCHUH SELUAS 300 EKAR MASIH DI PERINGKAT PEMBANGUNAN, KUKUM BUAT MASA INI TERPAKSA MENYEWAKAN BEBERAPA BUAH BANGUNAN TERMASUK DI KUBANG GAJAH INI UNTUK DIJADIKAN PUSAT PENGAJIAN DAN PENTADBIRAN.

WALAUPUN MASIH BARU DI DALAM GELANGGANG INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI AWAM DI NEGARA INI, KUKUM BOLEH MENDABIK DADA DAN BERBANGGA DENGAN PENCAPAIAN YANG TELAH DIKECAPI. ANTARA LAIN, KUKUM TELAH MENJALINKAN HUBUNGAN KERJASAMA DENGAN PIHAK SEKTOR INDUSTRI MELALUI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU).

SEHINGGA KE HARI INI, KUKUM TELAH MENANDATANGANI SEBANYAK 21 MoU DENGAN PIHAK INDUSTRI. ANTARA SEKTOR INDUSTRI TERSEBUT IALAH SILTERRA MALAYSIA SDN. BHD., MODENAS SDN. BHD., ASTRONAUTIC SDN. BHD., PERLIS ESSENTIALS OIL SDN. BHD., PERMINTEX

RESEARCH & DEVELOPMENT SDN. BHD. DAN YOKOGAWA CONTROL SDN. BHD.

TIDAK KETINGGALAN DI DALAM BIDANG AKADEMIK, KUKUM JUGA TELAH MENANDATANGANI MoU DENGAN BEBERAPA BUAH UNIVERSITI BAIK DI DALAM NEGARA MAHUPUN LUAR NEGARA. ANTARA UNIVERSITI TERSEBUT IALAH UNIVERSITI OITA, DANNOHARU, JEPUN, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA DAN SEBAGAINYA.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

PPK BAHAN DITERAJUI OLEH PROF. MADYA DR. SHAMSUL BAHARIN BIN JAMALUDDIN. DARI SEGI KAKITANGAN AKADEMIK PULA, SETAKAT KINI PPK BAHAN MEMPUNYAI DUA ORANG PROFESSOR TERMASUK SAYA SENDIRI, DUA ORANG PROF. MADYA DAN DIBANTU OLEH PARA PENSYARAH DAN JURUTERA PENGAJAR.

PPK BAHAN MEMPUNYAI DUA BUAH MAKMAL IAITU DI KUBANG GAJAH DAN KG. WAI, KUALA PERLIS. BAGI MAKMAL DI KUBANG GAJAH, PPK BAHAN TELAH MEMPUNYAI KEMUDAHAN PERALATAN SEPERTI MIKROSKOP IMBASAN ELEKTRON (SEM), MESIN UJIAN UNIVERSAL (UTM), MIKROSKOP PENGANALISA IMEJ DAN SEBAGAINYA.

PERALATAN-PERALATAN YANG CANGGIH INI TELAH MENJADI PLATFORM KEPADA KAKITANGAN-KAKITANGAN DI PPK BAHAN UNTUK MENJALANKAN PENYELIDIKAN KHASNYA DALAM BIDANG KEJURUTERAAN BAHAN DAN METALURGI. HASILNYA, PROGRAM PENYELIDIKAN DI PUSAT PENGAJIAN INI SEMAKIN BERKEMBANG DAN INI

DAPAT DILIHAT MELALUI PENGHASILAN PEMBENTANGAN KERTAS KERJA BAIK DI PERINGKAT KEBANGSAAN MAHUPUN ANTARABANGSA.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKELIAN,

BERBALIK KEPADA KURSUS PENCIRIAN MIKROSTRUKTUR BAHAN INI, IA DIADAKAN BAGI TUJUAN UNTUK MENDEDAHKAN PARA PESERTA DENGAN ILMU PENGETAHUAN DAN TEKNIK PENYEDIAAN SAMPEL UNTUK MIKROSTRUKTUR SERTA MEMPELAJARI TENTANG PENCIRIAN MIKROSTRUKTUR BAHAN MENGGUNAKAN MIKROSKOP OPTIK DAN MIKROSKOP IMBASAN ELEKTRON (SEM).

JUTERU ITU, IA AMAT SESUAI DIHADIRI OLEH INDIVIDU-INDIVIDU YANG TERLIBAT DI DALAM BIDANG PENCIRIAN BAHAN SEPERTI PARA PENSYARAH, PEGAWAI PENYELIDIK, JURUTERA, PELAJAR PASCA IJAZAH DAN SEBAGAINYA.

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN PADA PAGI INI, SAYA SEKALI LAGI DENGAN PENUH RASA KEIKHLASAN INGIN MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH YANG TIDAK TERHINGGA KEPADA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA YANG TELAH MEWAKILI PELBAGAI INSTITUSI KERANA TELAH SUDI HADIR KE KURSUS JANGKA PENDEK INI.

INSYAALLAH, DENGAN BERKAT SOKONGAN YANG PADU DARI TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA, KURSUS SEBEGINI AKAN MENJADI PROGRAM TAHUNAN DI MASA-MASA AKAN DATANG. SAYA PERCAYA KURSUS SEBEGINI SECARA TIDAK LANGSUNG AKAN MEMBUKA PELUANG KEPADA HUBUNGAN KERJASAMA ANTARA INSTITUSI TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN DENGAN PIHAK KUKUM KHASNYA PPK BAHAN.

DENGAN UCAPAN BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM, SAYA DENGAN INI MERASMIKAN KURSUS JANGKA PENDEK PENCIRIAN MIKROSTRUKTUR BAHAN (MICROCHARM 2005). SAYA SUDAH DENGAN WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH, WASSALAMMUALAIKUM WARAHMATULLAH HI TAALA WABARAKATUH.